

**KONSEP PENGINTEGRASIAN ILMU SAINS AL-QURAN DALAM PENGAJARAN  
PENDIDIKAN ISLAM**

ZETTY NURZULIANA RASHED<sup>1</sup>  
AB.HALIM TAMURI<sup>2</sup>  
SITI RASHIDAH ABD.RAZAK<sup>3</sup>  
JULIA MADZALAN<sup>4</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor(KUIS)

**ABSTRAK**

Kertas kerja ini membincangkan perbincangan data kajian terhadap kefahaman guru pendidikan Islam (GPI) terhadap pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran pendidikan Islam. Bagi memenuhi objektif kajian ini satu pendekatan kualitatif iaitu reka bentuk kajian kes digunakan. Kaedah temubual separa berstruktur telah digunakan dalam kajian ini yang mana seramai empat orang GPI telah ditemubual. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan program Atlas.ti versi 7.5.4. Dapatan kajian menunjukkan GPI memberi pandangan yang positif terhadap pemahaman konsep pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran pendidikan Islam. Dapatan menunjukkan ilmu naqli dan ilmu aqal berfungsi menghubungkan manusia dengan Tuhan sebagai Pencipta dan menjadi pembeza utama antara manusia dan haiwan. Fungsi integrasi ilmu sains dan al-Quran adalah untuk mendekatkan diri dengan Pencipta. Al-Quran dijadikan sumber utama dalam konsep pengintegrasian ilmu ini. Keperluan kepada kajian pengintegrasian ilmu sains dan Al-Quran dalam pengajaran pendidikan Islam ini amat berkait rapat dengan amalan ajaran Islam itu sendiri dan ianya mempunyai impak yang signifikan dalam membentuk perwatakan dan sahsiah pelajar. Pendekatan yang menggunakan sains Al-Quran dengan menggabungkan sains sosial (*social science*) dan sains natural (*natural science*) dengan sains ketuhanan (*divine science*) dalam pengajaran pendidikan Islam akan dapat merealisasikan kemantapan sahsiah pelajar yang mana ianya perlu diaplikasikan dalam kehidupan untuk membina suatu pencapaian yang bercirikan kepada *rabbaniyyah* (Allah sebagai Pentadbir), *insaniyah* (kemanusiaan), *duniawiyyah* (kebendaan) dan *syamilah* (kesempurnaan).

Kata kunci: Integrasi ilmu, sains Al-Quran, pengajaran pendidikan Islam, sahsiah pelajar

---

<sup>1</sup> Zetty Nurzuliana Rashed, Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, zetty@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Ab. Halim Tamuri, Profesor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, tamuri@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Siti Rashidah Abd. Razak, Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, rashidah@kuis.edu.my

<sup>4</sup> Julia Madzalan, Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, julia@kuis.edu.my

**ABSTRACT**

*This full paper examines the discussion on research data towards the understanding of Islamic studies teachers (GPI) towards knowledge integration of science and al-Quran in the teaching of Islamic studies. In fulfilling the objectives of this study, qualitative approach using the design of case study was utilized. A procedure of semi-structured interview was employed in carrying out this study. For the course of this study, four GPIs were interviewed. Data from the study was analyzed using Atlas t.i version 7.5.4. The research finding shows that GPI responded positively towards the understanding of science and al-Quran knowledge integration in the teaching of Islamic studies. The findings also indicated that naqli knowledge and aqal knowledge functions as to connect human with God as Creator and becomes the main difference between human and animal. The function of science and al-Quran knowledge integration is to bring ourselves closer to the Maker. Al-Quran is made as the main source in this concept of knowledge integration. The need to the study and research on science and al-Quran knowledge integration in the teaching of Islamic studies is very vitally linked to the practice of Islamic teachings itself and it has very significant impact in shaping students' character and personality. Approaches which utilize Al-Quran science by combining social science and natural science with divine science in teaching Islamic studies will be able to enhance students' personality which is important to be applied in life in order to shape an achievement with the characteristics of rabbaniyyah (Allah as Ruler), insaniyah (humanity), duniawiyyah (worldly) and syamilah (perfection).*

*Keywords: knowledge integration, Al-Quran science, Islamic studies teaching, student's personality*

**Pendahuluan**

Islam adalah agama yang amat mementingkan budaya ilmu dan menyeru umatnya agar menjauhi kejahilan. Antara jalan utama yang menggalakkan budaya ilmu dan menghindarkan diri umat daripada kejahilan adalah melalui pendidikan. Justeru, pendidikan amat dituntut dalam Islam dengan syarat ilmu-ilmu itu mestilah bermanfaat dan tidak bercanggah dengan syariat. Setiap bidang ilmu dalam Islam adalah saling lengkap melengkapi antara satu sama lain yang merujuk kepada konsep tauhid. Melalui Al-Quran yang disampaikan Allah kepada Rasulullah s.a.w mengajar manusia memahami peraturan untuk hidup secara individu dan bermasyarakat. Di samping itu manusia juga dikurniakan akal fikiran untuk berfikir yang dapat memahami sesuatu di luar jangkauan pancaindera. Syamil (2010) berpendapat Al-Quran yang diturunkan oleh Allah S.W.T melalui perantaraan malaikat adalah membolehkan manusia menjalani kehidupan berlandaskan wahyu Allah S.W.T tanpa melakukan kebinasaan di dunia dan menjamin kebahagiaan hidup di akhirat.

Al-Quran juga merupakan sumber primer tamadun Islam dan evolusi pembentukan sains Islam di sekitar seratus tahun pertama Hijrah yang mana mempunyai hubungan erat dengan epistemologi pengajian Islam. Al-Qur'an dan al-Sunnah adalah yang sarat dan padat sebagai sumber rujukan. Ia menganjur serta mendorong umat Islam agar menuntut ilmu, mempelajari, menganalisis dan menggunakan akal semaksimum mungkin untuk manfaatnya (Ziauddin Sardar, 1989).

Manakala istilah sains menurut ahli sains Barat bermaksud satu kaedah untuk mencapai kebenaran mutlak melalui penyelidikan empirikal dengan data yang dikumpulkan melalui pancaindera. Proses sains moden ini merupakan percubaan untuk mencari suatu kebenaran melalui jalan rasional. Sains moden juga disebut sebagai suatu disiplin yang menilai sesuatu tinjauan dan maklumat secara objektif, bukan subjektif seperti intuisi iaitu gerak hati, sangkaan atau emosi (Yahaya & Azhar, 2007). Menurut Mohd Yusof (2011) sains ditakrifkan kepada suatu ilmu yang berusaha untuk memahami tabii alam secara sistematik, mantik dan objektif. Ia terhasil apabila manusia dengan sifat ingin tahunya berusaha untuk dapatkan maklumat sebanyak mungkin tentang tabii alam yang diamatinya. Menurut Rusell (1945) menyatakan ilmu sains adalah untuk mencari kebenaran bermula dengan perasaan ingin tahu, diikuti dengan kaedah pemerhatian, pengalaman (empirikal) dan penyelidikan di makmal.

Sains moden yang dipelajari oleh Barat daripada tamadun Islam, pada asalnya tidak terpisah daripada agama kerana mereka memahami kesepaduan falsafah sains dengan prinsip pemikiran Al-Quran. Namun fahaman rasionalisme yang menolak fahaman agama telah melahirkan sekularisme dalam sains, iaitu memisahkan sains dan agama atau memisahkan alam kejasmanian dengan alam kerohanian. Ini bertentangan dengan fahaman Islam yang menyepadukan rasional dan agama (Yahaya & Azhar, 2007).

Hal ini memerlukan kepada satu pengkajian yang mendalam yang akan menghasilkan pemahaman yang jitu terhadap konsep kesepaduan ilmu sains dan Al-Quran dalam pengajaran pendidikan Islam dan seterusnya melahirkan kecintaan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T yang Maha Pencipta.

### **Pernyataan Masalah**

Persoalan tentang faham ilmu pada hari ini telah membuat suatu garis pemisah sama ada secara jelas atau tersembunyi di antara ilmu agama dan ilmu sains moden. Punca pemisahan ini adalah disebabkan oleh faham sekularisme dan dualisme yang meresap masuk ke dalam sektor pendidikan. Pendidikan sekular dan dualis telah memisahkan antara ilmu agama (ilmu *naqli*) dengan ilmu sains moden atau lebih dikenali sebagai ilmu akademik (ilmu *aqli*). Kesan dari ketidaksepaduan tersebut maka lahirlah dua sistem pendidikan yang berkembang secara serentak tetapi terpisah antara satu sama lain dan tidak akan bertemu penghujungnya.

Begitu juga dengan persoalan penting yang harus dijawab ialah bagaimana cara terbaik mengajar pendidikan Islam agar ia bukan sahaja bertujuan untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar malah ia adalah untuk meningkatkan keimanan dan keyakinan kepada pelajar terhadap Islam. Keimanan dan keyakinan terhadap ajaran Islam merupakan paksi kepada pembinaan akhlak (Arip Kasmu, 2000).

Menurut Osman Ayob (2014) masyarakat Islam sekarang tertinggal dalam segala aspek ilmu, khususnya sains lantaran tidak dapat menemui keharmonian yang terdapat dalam al-Quran. Fahaman mereka terhadap al-Quran masih lemah. Faktor kelemahan umat Islam dalam menghayati dan menggunakan al-Quran sebagai panduan hidup dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian masih lemah. Justeru itu, kesedaran tidak dapat berkembang sejajar

dengan perkembangan semasa. Kesannya umat Islam tidak dapat membentuk identiti dan jatidiri yang sebenar kerana kesedaran masih tipis.

Ini disebabkan dengan sistem pendidikan sekarang berpegang kepada sistem pendidikan British. Selagi sistem ini terus menjadi model dalam dasar pendidikan kebangsaan, selama itulah keharmonian dalam pendidikan tidak akan dapat dicapai. Benar, para fanatik dalam sistem pelajaran agama juga mengarah kepada kelemahan ini. Soalnya ketidakseimbangan antara pengetahuan al-Quran dan sains mewujudkan jurang ini. Tegasnya dasar pelajaran sekular meminggirkan agama dan ajarannya, manakala satu puak lagi terlalu fanatik kepada pelajaran agama sains dan yang ada kaitan dengannya hinggakan menganggap sains itu tidak penting dengan andaian dan tafsiran yang salah. Justeru itu, satu pendekatan perlu dibuat bersesuaian dan keharmonian ini boleh dibina dalam konteks sejagat (Osman Ayob, 2014).

Fikri (2014) juga menyatakan dalam bukunya “Tiada lagi keraguan sains dalam al-Quran” kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam sekarang mengenai al-Quran dan sains amatlah sedikit terutama golongan-golongan muda. Berbanding dengan zaman Bani Abbasiyyah wujud ramai cendekiawan dan ilmuwan Islam seperti Ibnu Sina, Al-Khawarizmi dan ramai lagi. Mereka beramal dengan al-Quran dan membuat kajian mengenai al-Quran dengan begitu mendalam dan mereka berjaya dalam mencipta sesuatu yang baru berkaitan dengan sains. Cendekiawan bukan Islam juga telah berjaya dalam penemuan sains dan ia berhubung dengan al-Quran dengan begitu terperinci.

Di samping itu kajian Maria (2012) juga menjelaskan penyebaran sekularisme ini telah membawa kepada amalan dualisme dalam sistem pendidikan yang memperlihatkan perkembangan secara terpisah ilmu aqliyah dengan ilmu naqliyah. Pengasingan ilmu yang menghasilkan dikotomi keilmuan telah menjadi penyebab kepada kemunduran ummah masa kini yang dikenali sebagai *Stagnasi Pemikiran Islam*. Nilai-nilai sekular yang dipelopori oleh Barat telah menjejaskan struktur Ilmu Islam, terlalu mementingkan rasionalis akal dan amalan penyelidikan empirikal yang sangat bercorak materialistik. Impaknya kepada kemenjadian murid ialah pertumbuhan insan yang tidak seimbang yang tidak menepati hasrat seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kecelaruhan dalam pendidikan yang bertunjangan fahaman sekularisme ini telah mengakibatkan kekeliruan ke atas tatasusunan ilmu dan kehilangan tujuan pencapaian ilmu dalam kehidupan. Natijahnya, insan semakin jauh menyimpang daripada hakikat sebenar pendidikan, semakin luntur akhlak dan budi pekertinya dan semakin jahil dalam pertimbangan amal makruf nahi mungkar. Pendidikan yang sepatutnya membawa insan untuk lebih kenal kepada penciptanya kini telah hilang fungsi teologinya sebaliknya lebih ke arah memenuhi keperluan tenaga kerja dan sumber manusia (Maria, 2012).

Menurut Rohana (2010) pada masa kini, fokus dan matlamat pendidikan adalah berasaskan kepercayaan, nilai, ilmu yang diterima oleh masyarakat. Keadaan ini mengakibatkan insan yang dilahirkan hilang sifat kejiwaan dan hilang dalam mengenal hakikat kejadian di muka bumi ini. Pendidikan juga perlu menyediakan pelajar untuk menghadapi perubahan yang sering berlaku dalam masyarakat. Justeru, apa yang diperlukan adalah menerusi kurikulum dan pendidikan yang sepadu, unsur kejiwaan dan mengenal hakikat kejadian akan kembali diterapkan ke dalam jiwa dan hati masyarakat.

## **Objektif Kajian**

Meneroka pandangan guru pendidikan Islam (GPI) terhadap konsep pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran pendidikan Islam.

## **Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini juga merupakan sumbangan kepada para guru pendidikan Islam. Bidang pendidikan Islam merupakan satu bidang yang amat penting dan membantu membentuk pelajar ke arah kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah Taala. Oleh itu para GPI harus memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam aspek pendidikan Islam. Pengetahuan tersebut seharusnya bukan semata-mata dalam aspek ilmu naqli sahaja. Ia perlu disepadukan dengan ilmu aqal yang perlu disemai dalam diri pelajar supaya mereka memiliki pegangan diri yang teguh dan dekat kepada Pencipta.

Kajian ini juga penting untuk memberikan kefahaman yang lebih mantap dan gambaran yang jelas tentang konsep integrasi ilmu sains dan al-Quran di dalam pengajaran pendidikan Islam. Ini membolehkan pelbagai pihak memahami faktor-faktor yang mempengaruhi dan menyebabkan kejayaan dalam mewujudkan pelajar yang berkualiti dari segi pembangunan akademik dan pembangunan insan cemerlang. Konsep pengintegrasian ilmu dalam pendidikan boleh mewujudkan satu persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dalam pembangunan insan selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan dan dasar pendidikan kebangsaan dan misi nasional.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini membataskan hanya GPI yang mengajar di sekolah maahad tahfiz sains sebagai peserta kajian. Seterusnya kajian ini membataskan GPI yang mengajar matapelajaran pendidikan Islam tingkatan satu dan dua sahaja. Selain batasan terhadap peserta, kajian ini juga membuat batasan terhadap fokus kajian. Pengkaji hanya memfokuskan aspek pandangan guru pendidikan Islam tentang konsep pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan rekabentuk kajian kes. Ia melibatkan temubual separa berstruktur bersama empat orang guru pendidikan Islam yang mengajar matapelajaran pendidikan Islam tingkatan satu dan dua.

Kajian kualitatif ini dipilih kerana ia lebih sesuai untuk mengetahui motif yang wujud dalam sesebuah organisasi dan melihat situasi sebenar yang berlaku termasuk mengalami persekitaran yang dikaji kajian ini berbentuk kajian kes yang memfokuskan

kepada pelbagai tempat atau *multisite cases* (Yin,1994).Kes yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah guru pendidikan Islam manakala tempat kajian adalah di dua buah maahad tahfiz sains di Selangor.Menerusi kajian kes,pengkaji dapat menyiasat sesuatu unit sosial yang kompleks secara menyeluruh dan mendalam (Patton,1990; Hitchcock&Hudges,1995).Melalui rekabentuk kajian yang dipilih, pengkaji juga dapat memaparkan peristiwa sebenar yang berlaku, dilihat dan dialami dalam persekitaran yang dikaji (Yin,1994).

Melalui kajian kes ini pengkaji bertemu dengan peserta kajian malah pengkaji dapat memahami secara lansung apa yang berlaku dan berinteraksi dengan mereka (Yin ,1994).Kajian ini dapat memberikan dapatan yang lebih realistik dan bermakna.Kefahaman GPI terhadap konsep pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dapat digambarkan dengan jelas dan menyeluruh.

### **Pandangan GPI terhadap Konsep Pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam Pengajaran Pendidikan Islam.**

Konsep kesepaduan dalam pendidikan bersepadu ini adalah merujuk kepada kesepaduan pengalaman antara mata pelajaran.Kesepaduan ini mengkehendaki para guru bersedia untuk mengaitkan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan mata pelajaran lain.Ini bermakna guru perlu mengetahui jenis-jenis maklumat,kemahiran dan konsep sesuatu mata pelajaran yang boleh dikaitkan dengan mata pelajaran lain dan bagaimana melakukannya(Musa Daia,1993).

Intisari konsep bersepadu ini telah diterima sebagai komponen dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang disuratkan pada tahun 1987 (Tajul Ariffin Noordin&Noor 'Aini Dan 2002:44).Sehubungan itu,Falsafah Pendidikan Islam (FPI) telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia(1987) seperti berikut:

Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu,kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap,kemahiran,keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri,masyarakat,alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Sejajar dengan FPI di atas,maka Kurikulum Pendidikan Islam KBSM dibina berasaskan hakikat bahawa Islam itu merangkumi keseluruhan cara hidup harian seorang Muslim (Wan Mohd Zahid,1992,Kementerian Pendidikan Malaysia 1997,2002).Berdasarkan kesedaran ini maka Pendidikan Islam KBSM menekankan aspek ilmu,amalan dan penghayatan.Oleh itu kurikulum Pendidikan Islam KBSM memberi tumpuan kepada aspek aqidah,ibadat dan akhlaq yang terkandung dalam tiga bidang iaitu Pembelajaran tilawah Al-Quran dan Hadith,Pembelajaran '*Ulum Syar'iyah* dan Pembelajaran Adab berteraskan Akhlak Islamiah.

Data ini dikumpul melalui kaedah temu bual kerana ia berkait dengan aspek dalaman guru yang menyentuh aspek keyakinan,pandangan dan persepsi mereka.Konsep pengintegrasian sains dan al-Quran dapat dirumuskan dalam jadual matriks perbandingan Jadual 1 di bawah untuk memudahkan pemahaman.

**Jadual 1: Rumusan Konsep Pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran menurut GPI1, GPI2,GPI3 dan GPI4 di MTS1 dan MTS2**

Bil	Konsep pengintegrasian ilmu SQ	GPI1	GPI2	GPI3	GPI4
1	Al-Quran sebagai asas	x	x	x	x
2	Tauhid kepada Allah	x	x	x	-
3	Gabungan subjek-subjek lain	x	-	x	-
4	Ilmu sains disepadukan dalam kurikulum	x	-	x	x

Berdasarkan Jadual 1 di atas,kajian telah mengenalpasti terdapat empat tema utama dapat dikeluarkan berdasarkan perspektif keempat-empat peserta kajian.Konsep pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran ini dapat diistilahkan kepada beberapa istilah yang berbeza mengikut fahaman keempat-empat peserta kajian.Pertama adalah menjadikan al-Quran sebagai asas dan hubungkait sains dan al-Quran merupakan subtema bagi tema ini,kedua adalah tauhid kepada Allah,ketiga adalah gabungan subjek-subjek lain,dan yang terakhir adalah ilmu sains disepadukan dalam kurikulum pendidikan Islam.Kesemua peserta kajian dapat memberikan respon yang baik terhadap persoalan kajian ini dan mereka memberikan pandangan yang berbeza mengikut kefahaman mereka terhadap konsep pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran pendidikan Islam ini.Analisis tema berdasarkan data temu bual dalam kalangan peserta kajian di MTS1 dan MTS2 menggunakan Atlas t.i.7.5.4.

**i) Al-Quran sebagai asas dan tunjang integrasi Ilmu**

Tema yang pertama kajian ini adalah Al-Quran sebagai asas dan tunjang dalam integrasi ilmu.Manakala subtema adalah hubungkait antara sains dan al-Quran.Konsep pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran ini dilihat dari pelbagai perspektif yang berbeza oleh peserta-peserta kajian.

Bagi GPI1,beliau menyatakan pengintegrasian sains dan al-Quran ini melibatkan al-Quran sebagai asas dan tunjang dalam mendasari pemahaman sains tersebut.Sains dan al-Quran ini amat berkait rapat kerana di dalam al-Quran amat jelas menceritakan dan menjelaskan perihal sains.Sebagai contoh GPI1 menjelaskan:

*“Kita nak lihat jugak lah dari segi teknologi mungkin kita boleh berpandukan pada rujukan-rujukan yang, orang kata..pada rujukan yang asal, yang asal pada al-Quran.Kita nak lahirkan supaya konsep sains ni masih berpandukan kepada perkara yang asas, tunjang yang asas dia sebagai orang Islam,tapi kalau yang luar daripada agama lain, saya tak tahu lah kan.sebab kebanyakan kita punya saintis,saintis yang terkemuka seperti tokoh-tokoh Islamik kan,mereka merujuk kepada al-Quran sendiri untuk diterjemahkan dalam teknologi sains.Kalau kata kita sains semata-mata mungkin kita tak kan jumpa,nak cari zarah kita tak akan tahu,tapi boleh jumpa dalam al-Quran boleh jumpa.Jadi pada saya benda ni perlu selarikan.aa..supaya dia tidak terpesong daripada sudut akidah lah.aa..bukan semata-mata teori yang tidak berasas”.*(GPI1MTS1/TB/Kon 2014:008)

Beliau juga menambah bahawa penerapan elemen sains dan al-Quran dalam pengajaran pendidikan Islam merupakan P&P yang mengikut arus perdana iaitu seiring dengan perkembangan sains dan teknologi.Beliau berpegang kepada al-Quran sebagai sumber asas ilmu.Contoh pernyataan beliau ;

*“.....kalau mengikut kepada..arus semasa lah ye,bila..satu subjek ni dia memang tidak boleh dipisahkan dengan...kalau keadaan,suasana sekarang ni berkait, memang....segala apa pun akan berkaitan dengan sains dan teknologi. Baik, tapi kita boleh nafikan aa..daripada sains dan teknologi ni yang kita ketengahkan dalam mata pelajaran yang kita ajar, kita sebagai orang Islam kita perlu menerapkan satu elemen yang sangat penting, dimana adalah satu tunjang maknanya kita boleh..iaitu adalah al-Quran lah.dalam segala subjek pun kita boleh gunakan,kerana..memang segala sumber ilmu datangnya daripada satu bahan rujukan iaitu al-Quran itu sendiri lah”.*(GPI1MTS1/TB/Kon 2014:089)

GPI3 pula mempunyai pandangan yang sama dengan GPI1.Beliau menyatakan mana-mana matapelajaran perlu bersumberkan dari al-Quran.Beliau menambah sistem bersepadu yang diamalkan di MTS2 ini amat menekankan integrasi dalam pengajaran dan pembelajaran.Sebagai contoh huraian beliau;“.....semua subjek saya ingat ada kaitannya kot, adalah bukan kata pendidikan Islam je..kalau kita tengok geografi pun ada, matematik pun ada..semua lah, yang kita tekankan dalam IHES pun macam tu lah.Tapi tengok kalau geografi tu mungkin pelajar boleh nampaklah benda berkaitan dengan muka bumi benda yang zahir, tapi kalau kata benda yang macam matematik aa.. ni biasa pelajar tanya.Saya dulu mengajar matematik,budak tanya saya.Ustaz apa kaitan matematik dengan al-Quran?Kenapa kita kena belajar benda yang pening macam ni?Dia tanya kita, pastu kita pun kata jangan nafikan sebahagian matematik ada dalam al-Quran contoh pembahagian ilmu faraid” (GPI3MTS2/TB/Kon 2014:045).

Kata-kata GPI3 ini merujuk keinginan beliau untuk menyampaikan ilmu dengan menjadikan al-Quran sebagai asas utama dan seterusnya ingin menjadikan pelajar tahfiz di MTS2 ini mengamalkan apa yang mereka hafaz itu dalam kehidupan seharian.GPI3 yang merupakan salah seorang penyelarar sistem IHES di MTS2 ini amat menekankan kepada integrasi ilmu dalam pengajaran.Bagi beliau pemahaman guru terhadap pengintegrasian ilmu di MTS2 adalah pada tahap yang sederhana.Sesetengah guru di MTS2 ini memahami konsep integrasi ilmu ini manakala sebahagiannya masih kurang faham pendekatan integrasi ilmu di sini.Pernyataan beliau; “Haa..yer..macam konsep IHES ni,kita nak bawak dekat sekolah ni kita tak nampak lagi pelaksanaan dia macam mana,sebab apa....bila kita tanya guru sebahagian guru tak faham apa dia IHES ni” (GPI3MTS2/TB/Kon 2014:017).



Di dalam Al-Quran banyak ayat yang menyebutkan galakan berfikir, menyelidik dan mengkaji. Lebih 750 ayat saintifik yang menyentuh fenomena alam menjadi tanda kebesaran dan kekuasaan Allah. Penyelidikan Islam berasaskan wahyu Allah membawa setiap kajian ke arah satu keputusan yang telah ditentukan iaitu dengan menunjukkan tanda-tanda keesaan Allah yang menjadikan segalanya sama ada dalam bentuk hukum-hukum fizik, fenomena atau sistem kosmos-kosmos ini. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Imran 3:190-191 yang membawa maksud:

*“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih berganti malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang mengingati Allah dalam keadaan berdiri, duduk dan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi seraya berkata” Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini semua dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari seksa azab neraka.”*

Pemikiran sains dan Al-Quran adalah sebahagian daripada epistemologi yang secara spesifik mengkaji hakikat kebenaran ilmu (*science*) secara ilmiah berdasarkan kepada petunjuk al-Quran sendiri. Di samping itu sains dan Al-Quran juga memperkuat dan memperjelaskan sesuatu fakta hujahnya merujuk kepada hadis nabi, ahli fikir Islam, saintis Islam dan bukan Islam. Sesuatu pendapat itu boleh diterima sekiranya tidak bertentangan dengan al-Quran dan hadis.

## **ii. Tauhid kepada Allah**

Manakala tema yang kedua bagi konsep pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran ini adalah menekankan kepada aspek ketauhidan kepada Allah dalam pengajaran dan pembelajaran. Pandangan GPI3 menyatakan setiap matapelajaran yang diajar di sekolah perlu didasarkan kepada aspek ketauhidan kepada Allah Taala. Sebagai seorang pendidik perlu menjelaskan kepada pelajar bahawa Allah sebagai Pencipta. Dengan itu setiap ilmu yang dipelajari adalah datangnya dari Allah Taala. Kurikulum bersepadu mengikut konsep Islam bukanlah sekadar memasukkan semua jenis ilmu pengetahuan ke dalam kurikulum induk dengan setiap matapelajaran, tetapi bersepadu sebenarnya adalah semua jenis pengetahuan sama ada teori atau amali, sama ada berunsur keduniaan atau akhirat yang bersifat kait mengait, di mana kedua-duanya membekalkan unsur aqidah, syariah dan akhlaq yang saling mempengaruhi bagi mendorong keimanan dan ketakwaan (Abdullah Ishak, 1995).

Bagi GPI3 beliau berpandangan pemahaman konsep ini amat penting untuk memberi kesan kepada pelajar supaya memahami hakikat kehidupan dan peranan sebagai khalifah di muka bumi ini. Sebagai contoh:

*“.....terapkan dengan tauhid kepada Allah. Dia ada dalam matematik lah, saya mungkin tak capai tahap tu lagi lah sebab dia orang lama, dia tahu. Kalau dalam sains jelas-jelas lah, sebab kita kaitkan sains dengan benda tu. Dalam Bahasa Melayu, bahasa pun jadi satu permasalahan juga sebenarnya bila kita nak memahami content Islam ni, dari sudut kalau kita suka baca buku ada takrif dari sudut bahasa dan ada takrif dari sudut syariat, bila kata bahasa ni yang umum. Bila kata syariat ni berkaitan dengan amal ibadah kita. Kadang-kadang orang ni dia tak dapat nak beza dua benda tu, dia pukul rata. Itu yang..yang ada terlalu ketat dengan mazhab, ada yang terlalu syadid, keras dengan mazhab sebab dia mungkin tak boleh nak*

*bezakan.Saya ingat itu satu benda yang perlu tahu lah”.(GPI3MTS2/TB/Kon 2014:045)*

Manakala pandangan GPI2 adalah sama dengan GPI3.Beliau menjelaskan ;(GPI2MTS1/TB/Kon 2014:011,027,015)“...pendapat saya lah secara peribadi. Kita kadang kepada pelajar tak perlu kita nak bagi banyak,tapi biar sikit tapi berkesan untuk mereka kalau dikata perlu,memanglah dia perlu,perlulah.Memang perlu dalam pendidikan Islam tu, memang perlu, ia kena ada.Sebab untuk pelajar lebih faham aa..secara sebenar lah diorang faham apa benda itu integrasi diorang nampak oo..ini rupanya ada kaitan dengan sesuatu yang lain, tak de dia sendiri-sendiri.....biar dia sikit..tapi dia mengamalkan apa yang diajar dan bukan saja mengamalkan tapi memang dia akan istiqamah nak lakukan sesuatu.

GPI4 juga menambah,konsep pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran ini yang sebenarnya adalah membawa pelajar istiqamah dan mengamalkan dalam kehidupan seharian mereka.Sebagai contoh pernyataan beliau; (GPI4MTS2/TB/Kon 2014:039).“...Sebagaimana yang diajar tu kita dapat terapkan yang macam tu lah dekat dia sebenarnya.Sepatut-patutnya adalah mengamalkan apa ia belajar tu sebenarnya”.

Menurut Mohamad Natsir (2003),beliau menegaskan bahawa pendidikan bersepadu mengutamakan aspek tauhid pada kedudukan yang tinggi dan istimewa dalam pendidikan dengan tujuan pendidikan yang diajar kepada anak didik adalah pendidikan yang sesuai dengan ajaran Allah yang tidak mengenal dualisme dalam pendidikan.

### **iii. Gabungjaln dengan subjek lain**

Bagi tema yang ketiga ini pula keseluruhan peserta kajian memperkatakan konsep integrasi ilmu sains dan al-Quran itu adalah merupakan gabungan antara subjek-subjek lain.Perbincangan tentang ini melibatkan gabungan subjek pendidikan Islam dengan subjek lain dan isi kandungan matapelajaran tersebut digabungkan dengan elemen-elemen saintifik dalam pengajaran dan pembelajaran.Sebagai contoh menurut GPI1; (GPI1MTS1/TB/Kon 2014:011)“...mahnanya kalau kita dalam buku teks sendiri memang takkan ada lah, sifat-sifat tu memang tak de, tapi sifat-sifat tu yang datangnya dari pendidik tu.Mahnanya sebelum tu, terlebih dahulu pendidik tu difahamkan,bagaimana kita nak ketengahkan aa..apa..kaedah pendidikan Islam ni lah dengan sains tu kan, haa..nak integrasikan.Mahnanya, guru terlebih dahulu difahamkan”.

Sebagai seorang GPI,seharusnya memahami konsep integrasi itu terlebih dahulu dan seterusnya mengaplikasikannya di dalam bilik darjah.GPI1 menambah; GPI1MTS1/TB/Kon 2014:015)....“Cuma yang kita laksanakan dari sudut JAIS ni, cuma dilaksanakan dua keadaan mahnanya akademik kita gabung jalinkan dengan bidang agama lah.....Cuma yang kita laksanakan dari sudut JAIS ni, cuma dilaksanakan dua keadaan mahnanya akademik kita gabung jalinkan dengan bidang agama lah.Pandangan GPI2 adalah sama dengan pandangan GPI1 yang menyatakan pengintegrasian ilmu ini adalah penggabungjalinan antara subjek-subjek lain.Sebagai contoh pernyataan beliau; (GPI2MTS1/TB/Kon 2014:023) “yang saya faham adalah itulah penggabung jalinan antara beberapa ilmu dalam satu tempat.Contoh kalau pendidikan Islam ada penggabungjalinan mungkin satu masa dia akan bergabung dengan sains, mungkin ada kalanya aaaa..bergabung dengan pelajaran yang lain.Haa,jadinya, kalau bagi saya itu lah maksud nya penggabung jalinan ilmu dalam beberapa ilmu dalam satu pelajaran”.

Begitu juga dengan pandangan GPI3, beliau juga berpandangan sama seperti dengan GPI1 dan GPI2. Sebagai contoh beliau berpendapat; (GPI3MTS2/TB/Kon 2014:045) *“semua subjek saya ingat ada kaitannya kot, adalah bukan kata pendidikan Islam je..kalau kita tengok geografi pun ada, matematik pun ada..semua lah, yang kita tekankan dalam IHES pun macam tu lah”*.

GPI2 berpandangan dalam kurikulum pendidikan Islam KBSM ini sememangnya mempunyai sifat yang bersepadu dan amat sesuai untuk diintegrasikan dengan bidang-bidang yang lain. Sebagai contoh GPI2 menjelaskan;

*“.....integrasi ilmu sains dan al-Quran dalam kurikulum pendidikan Islam ni,aa..ia sebenarnya memang dah ada, dah jelas,dah nyata..memang ada hubungannya, memang ada hubungkaitnya,ada integrasinya, aa..daripada kurikulum itu sendiri memang dah lengkap sebenarnya,secara..kalau kita tengok secara teorinya dia memang lengkap memenuhi kehendak sesuai untuk pelajar-pelajar, itu secara teorinya lah”.....“emm memang sifat kurikulum itu sendiri memang dah bersepadu, jadi dah jelas lah dah nyata.Itu dia memang dah sesuai, macam saya katakan tadi dia sesuai.(GPI2MTS1/TB/Kon 2014:007,011)*

Menurut pandangan GPI2 lagi, di MTS1 ini amat menekankan kepada kurikulum integrasi iaitu IHES yang mana matapelajaran pendidikan Islam itu diajar dalam tiga masa seminggu mengikut struktur kurikulum integrasi yang diamalkan di MTS1 ini. Ini adalah kerana memberi laluan kepada kurikulum Tahfiz, kurikulum Dini dan kurikulum Azhari. Justeru itu beliau amat menekankan kepada aplikasi ilmu dalam matapelajaran pendidikan Islam itu sendiri yang mana perlu diamalkan dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh Ustazah Laila menjelaskan;

*“....maksudnya sepanjang dalam kelas tu sebab itu perlukan aa..kalau kami disini menggunakan sistem IHES tu, jadi kalau bagi saya..aa..biar dia sikit..tapi dia mengamalkan apa yang diajar dan bukan saja mengamalkan tapi memang dia akan istiqamah nak lakukan sesuatu...kurikulum tu saya mengakui dia memang dah sempurna, dah oke, cuma..aa..nak mengaplikasikan tu bukan sesuatu yang mudah lah”.*(GPI2MTS1/TB/Kon 2014:015,019).

Begitu juga dengan pandangan GPI4, beliau menjelaskan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran ini merupakan gabungjalin dengan elemen-elemen saintifik.

*“....integrasi tu maksudnya penggabungan, yang saya faham lah. Maknanya dalam ...sepatutnya dalam aaa...apa dalam subjek yang kita ajar tu memang ada...pnggabungan elemen-elemen tu lah. haa..”(GPI4MTS2/TB/Kon 2014:011)*

#### **iv. Ilmu sains disepadukan dalam Kurikulum Pendidikan Islam**

Apabila melihat kepada keperluan sistem pendidikan sekarang yang semakin berkembang seiring dengan keperluan sains dan teknologi, pelbagai pendekatan dan perubahan amat perlu ditekankan supaya hasil atau produk yang diperolehi dapat menampung keperluan tersebut. Begitu juga dengan matapelajaran pendidikan Islam, ia perlu seiring dengan keperluan akal manusia yang mana memerlukan aspek saintifik sebagai nilai tambah bagi memberi pendedahan kepada pelajar keperluan pemahaman sains yang merentas kurikulum tersebut supaya elemen itu tidak kering dengan keperluan intelek manusia. Tema yang

terakhir bagi persoalan kajian ini adalah ilmu sains yang merentas kurikulum pendidikan Islam.

Bagi konsep pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran ini perlu merentas kurikulum pendidikan Islam. Elemen saintifik itu perlu merentas kurikulum pendidikan Islam supaya ia selari dengan keperluan semasa. Sebagai contoh pernyataan beliau; (GPI1MTS1/TB/Kon 2014:007) *kalau kita lihat pada keadaan sekarang lah aa..keperluan sains dengan al-Quran adalah benda yang selari lah. maknanya kalau kita nak melahirkan generasi yang baik,....mknanya ada konsep pengintegrasian tu berlaku, aa..pelajar ni dia dah dapat pendedahan lebih awal lah sebelum mereka ke hadapan lagi.aa..terutama dalam bidang pekerjaan lah.*

Bagi GPI3 pula yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang Sains Gunaan, beliau menjelaskan pemahaman terhadap konsep pengintegrasian ilmu ini amat perlu bagi setiap orang guru. Beliau mengakui beliau banyak memahami istilah sains itu kerana beliau mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang Sains Gunaan semasa peringkat ijazah pertama beliau. Namun begitu peringkat pelaksanaan integrasi ilmu di MTS2 ini tidak berlaku secara menyeluruh dalam kalangan guru-guru. Sebagai contoh beliau menjelaskan;

*“Pandangan saya benda ni memang keperluan la..keperluan, tapi yang kita nampaknya di peringkat pelaksanaan dia tidak secara menyeluruh. Dia banyak aspek la bila kata pelaksanaan ni, daripada silibus satu hal kemudian, pelaksana iaitu guru-guru itu satu perkara, kemudian penerimaan pelajar. Bila penerimaan pelajar ni basically based on guru tersebut lah, macam mana dia bawa, pembawaan guru tersebut, tapi overall nya, kita kata kita sangat bersetuju, dengan pengisian ilmu ni sebab kalau kita tengok ulama dulu-dulu pun dia tak pilih ilmu, semua dia belajar dia tak kata asing-asing cuma dia terkenal dengan sesuatu ilmu. Contoh Ibnu Sina tu dia terkenal dengan medik sedangkan banyak lagi ilmu lain yang dia belajar, yang dia tahu dan arif pun. Cuma dia lebih ke depan dari sudut perubatan, so..benda tu perlu, dan perlu diperjuangkan. Cuma pelaksanaan tu perlu di perincikan. Maksudnya guru-guru perlu diberi penekanan atau kefahaman yang betul-betul baru penerimaan pelajar. Insha Allah lah berkesan”.* (GPI3MTS2/TB/Kon 2014:008).

Begitu juga dengan GPI4 yang masih baru dengan sistem IHES ini, beliau menyatakan beliau masih agak kurang faham terhadap konsep pengintegrasian ilmu ini kerana tidak didedahkan secara lansung kepada guru-guru tentang aspek pelaksanaan integrasi ilmu ini. Sebagai contoh pernyataan beliau; (GPI4MTS2/TB/Kon 2014:019) *“Sebenarnya memang bagus sangat lah, setuju sangatlah sebenarnya..Cuma mungkin..saya sebenarnya pun tak terbuka sebenarnya..Cuma sebab benda ni saya tidak didedahkan secara langsung. Mungkin ada, tapi sebab saya baru, mungkin belum sempat sampai kepada saya kan. Aa..jadi..aa..dan saya nampak kat sini macam subjek akademik je kita tak ada kursus sebenarnya”.*

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Berdasarkan kepada konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendidikan bertujuan untuk meningkatkan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, intelek dan rohani (JERI) berdasarkan kepercayaan

dan kepatuhan kepada Tuhan. Ini selaras dengan matlamat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (Abdul Rahim & Azharul Nizam,2007).Maka menurut Nor Hayati Alwi (2005) setiap bidang pendidikan negara harus memikul cabaran dalam menyeimbangkan tuntutan semasa iaitu menghasilkan sumber tenaga mencukupi untuk pembangunan sains negara berlandaskan tuntutan agama.Tuntutan ini bertujuan menghasilkan masyarakat seimbang bersahsiah mulia dan mampu memikul tanggungjawab terhadap diri, masyarakat, negara dan alam sekitar (Deuraseh 2010).

Justeru,pendidikan Islam harus dilaksanakan secara bersepadu di antara ilmu pengetahuan sains supaya dapat melahirkan individu berilmu sains, bermoral dan beretika baik.Ia boleh dikembangkan melalui aktiviti *hands on* dan *minds on* dalam pendekatan pengajaran.Justeru itu,pengajaran Pendidikan Islam harus menggunakan pendekatan yang sesuai untuk merealisasikan dasar ini iaitu pendekatan inkuiri penemuan seperti yang dicadangkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) pada tahun 2000.Melalui aktiviti inkuiri ini juga boleh menambahkan minat dan motivasi pelajar dan seterusnya menggalakkan pembelajaran efektif(Piburn&Bake,1993) dan menimbulkan sikap positif terhadap matapelajaran sains (Gibson,1998,Haury,2000).Koballa dan Crawley (1985) juga menyatakan sikap positif pelajar terhadap matapelajaran sains mempunyai hubungan minat dalam sains dan begitu juga dengan pemilihan kerjaya dalam bidang sains.

## **Kesimpulan**

Sains yang dikaitkan dengan Al-Quran bukan sahaja dari sudut proses pengumpulan,dokumentasi dan pentashihan tetapi kandungannya terhimpun petunjuk (*signs*) yang meluaskan jendela sains untuk mengkaji objektif penciptaan Allah dan manfaatnya kepada manusia,makhluk dan kehidupan.Sebab itu dalam tradisi sains Islam,akal dilihat sebagai alat mencungkil sedikit rahsia ciptaan Allah menerusi pemerhatian,pemikiran,penyelidikan atau pentafsiran supaya akal yang dipedoman oleh petunjuk Al-Quran mampu memahami maksud kejadian dan penciptaan.Inilah hakikat sains dalam tradisi Islam yang tidak menolak kepentingan fakta,data dan rasional tetapi rasionaliti yang dikemukakan adalah selari dengan faktor akidah,syariah dan nilai-nilai Islam.Oleh itu,tradisi sains al-Quran tidak hanya membangunkan asas etika yang tinggi tetapi dalam masa yang sama dijadikan sumber rujukan dalam bidang sains kemanusiaan,sejarah dan juga kebudayaan supaya akhirnya generasi yang terdidik akan terbentuk mengikut acuan *rabbani* atau *qurani*.

Rasional metodologi sains al-Quran ini disepadukan dengan sains moden adalah bertujuan untuk menghasilkan atau memperkasakan semula sains al-Quran yang memberi kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Kesedaran dan kesungguhan pelbagai pihak terutama umat Islam bagi merealisasikan konsep ini amat diharapkan khususnya dalam pendidikan formal sekarang.Perkembangan sistem pendidikan perlu menghala ke arah konsep ini agar generasi yang terbentuk kelak merupakan generasi Islam yang membangun dari kepelbagaian aspek keilmuan yang tidak memisahkan semua bentuk ilmu dan falsafah ilmu al-Quran.Melalui reformasi perubahan kurikulum ini,mereka yang terbentuk berasaskan kepada falsafah sains al-Quran.

**Rujukan**

- Abdul Halim El-Muhammady.1991.*Pendidikan Islam.Falsafah, disiplin dan peranan Pendidik*.Petaling Jaya: Dewan Pustaka Salam.
- Abdul Rahim Bin Hamdan &Azharul Nizam Bin Zahari. *Konsep Bersepadu Serta Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran Matematik Menengah Rendah*.  
<http://eprints.utm.my/10466/1/> [15 Februari 2012].
- Abdullah Ishak.1995.*Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*.Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.
- Alias Bin Azhar.2010.*Faktor Pembangunan dan Kemunduran Pengajian Sains Islam Silam*.  
Jurnal Hadhari (3): 43-59.
- Deuraseh, N.2010.*Earth in the Holy Quran : How to Protect and Maintain It?* Jurnal Hadhari  
2 (2):73-88.
- Hitchcock,G.&Hughes,D. 1995.*Research and the teacher:A qualitative introduction to school based research*.London&New York:Routledge.
- Mohd Syamil Mohd Yusoff. 2010.*Hebatnya Al-Quran Jika Kamu Berfikir*.Kuala Lumpur:Must Read Sdn.Bhd.
- Mohd Yusof Ahmad.2005.*Pengajian Al-Quran di Peringkat Ijazah Tinggi.Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Persepektif Pengajian Tinggi*.Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya.
- Musa Daia,1993.*Falsafah Pendidikan Negara dalam pelaksanaan KBSM.Dlm.Adnan Khmais(pnyt.).Kurikulum bersepadu Sekolah Menengah;Pandangan dan Maklum Balas*.Bangi.Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hayati Hj. Alwi.2005.*Ke Arah Pembentukan Model Pembangunan Insan Sains Seimbang dalam Pendidikan Sains*.Jurnal Teknologi, Jun (42): 77-93.
- Patton, M.Q.1990.*Qualitative evaluation and research methods* (2nd edition).Newbury Park,CA: Sage Publications.
- Rohana Hamzah.2010.*What is Education*. Nota Kuliah Minggu 1. Skudai: UTM. Tidak diterbitkan.
- Russel B,1945.*Dampak Sains kepada Masyarakat*.Diterjemahkan oleh Shahrir Mohamad Zain.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Pembelajaran Kurikulum Qiraat: Satu Kajian terhadap  
Persepsi Pelajar Syukbah Qiraat di DQ dan MTQN**

e-ISSN : 2289-8042

Zetty Nurzuliana Rashed

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

- Shahrir Mohd.Zain.1986.*Pendidikan Sains Terkamir di Peringkat Universiti.Dlm Tajul Ariffin Nordin dan Abd.Raof Dalip(ed)Pendidikan Bersepadu,Seminar Pendidikan Bersepadu*.Bangi.Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Naquib Al-Attas.1981.*Islam dan Sekularisme*.Bandung.Penerbit Pustaka.
- Tajul Ariffin Nordin&Nor'Aini Bte Dan.2002.*Pendidikan dan Wawasan 2020.Falsafah, perguruan dan persekolahan* .Kuala Lumpur: Areana Ilmu (M) Sdn.Bhd.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.1992.Wawasan pendidikan agenda pengisian.Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad.2007.Pendidikan Falsafah Sains Al-Quran. Johor Bharu:Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad.2010.*Kesepaduan Falsafah Sains Al-Qur''an dalam Kurikulum Sekolah Rendah sebagai Asas Pembentukan Masyarakat Hadhari di Malaysia*. Jurnal Hadhari (3): 23-41.
- Yin, R.K. 1994.*Case Study Research:Design and Methods* (2nd edition). Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Ziauddin Sardar.1989.*Explorations In Islamic Science. London & New York: Mansell Publishing Limited*.

**Lampiran: Penggunaan Kod Dalam Petikan Data Tema**

<b>BIL</b>	<b>KOD YANG DIGUNAKAN</b>	<b>HURAIAN KOD BAGI DATA TEMA</b>
1	<b>GPI</b>	Guru pendidikan Islam
2	<b>MTS1</b>	Maahad Tahfiz Sains 1
3	<b>MTS2</b>	Maahad Tahfiz Sains 2
4	<b>TB</b>	Temu bual
5	<b>Kon</b>	Konsep
6	<b>OBS</b>	Observasi